

Teladani akhlak Nabi jadi Muslim sejati hadapi cabaran era digital

Oleh Dr Mohd Ammyrul Ashraf Salran
bhagama@bh.com.my



Pensyarah Kanan, Unit Pengajian Islam dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Setiap tahun, umat Islam di seluruh dunia, termasuk di Malaysia, meraikan peristiwa agung kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW pada 12 Rabiulawal.

Sambutan Maulidur Rasul bukan sekadar upacara ritual, tetapi sebuah wadah memperingati risalah kenabian, meneladani akhlak Baginda yang mulia serta menilai kembali sejauh mana umat Islam berjaya menjadikan Rasulullah SAW sebagai 'qudwah hasanah' dalam kehidupan seharian.

Dalam sejarah Islam, Rasulullah SAW tidak pernah menolak kemajuan teknologi mahupun inovasi yang membawa manfaat kepada umat.

Riwayat sirah menceritakan apabila Baginda ditanya mengenai urusan teknikal seperti pertanian, penternakan atau strategi peperangan, Baginda sering menjawab dengan ungkapan ringkas bermaksud: "Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian". (HR Muslim)

Hal ini memberi isyarat Islam meraikan kemajuan teknologi selagi mana ia tidak melanggar syariat dan memberikan kebaikan kepada manusia.

Peristiwa Perang Khandaq menjadi contoh nyata apabila Rasulullah SAW menyokong inovasi teknologi. Menerusi cadangan sahabat dari Parsi, Salman al-Farisi, umat Islam menggali parit besar mengelilingi kota Madinah sebagai strategi pertahanan yang belum pernah dipraktikkan di Tanah Arab ketika itu.

Keputusan Rasulullah SAW menerima cadangan itu bukan sahaja menunjukkan keterbukaan Baginda terhadap ilmu dan teknologi luar, tetapi membuktikan Islam sentiasa mendukung kemajuan memberi manfaat untuk masyarakat.

Sejarah ini relevan untuk kita renungkan dalam menghadapi gelombang kemajuan teknologi terkini, termasuk revolusi digital, internet, telefon pintar dan kini kecerdasan buatan (AI).

Pada era 1990-an, televisyen mendominasi sebagai sumber maklumat dan hiburan di ruang tamu. Namun, memasuki 2000, internet mengambil alih peranan itu dengan menawarkan akses maklumat tanpa batas.

Hakikatnya, setiap revolusi teknologi hadir dengan dua sisi berbeza iaitu manfaat dan mudara. Televisyen pernah dipersoalkan kerana kandungan negatif, internet sering disalah guna untuk menyebarkan fitnah, manakala telefon pintar menyumbang kepada ketagihan permainan dalam talian, ketagihan media sosial serta renggangnya interaksi fizikal dalam kalangan masyarakat.

Kini, dengan kemunculan AI, cabarannya lebih besar kerana teknologi ini berpotensi menggantikan sebahagian besar fungsi intelektual manusia, sama ada dalam pendidikan, pekerjaan mahupun hiburan.

AI secara asasnya ialah keupayaan mesin meniru fungsi kognitif manusia seperti pembelajaran, penaklukan dan pengiraan keputusan.

Namun, realitinya menunjukkan terdapat penyalahgunaan teknologi ini untuk tujuan tidak bermoral, seperti kecurangan akademik, penciptaan berita palsu, bahkan penyebaran bahan lucah membahayakan generasi muda.

Justeru, umat Islam perlu kembali kepada panduan Nabi SAW dalam menilai sesuatu kemajuan. Hadis Rasulullah SAW diriwayatkan Bukhari dan Muslim menegaskan: "Hendaklah kalian sentiasa jujur, kerana sesungguhnya kejujuran akan mem-

bawa kepada kebaikan dan kebaikan akan membawa ke syurga."

Prinsip kejujuran ini amat relevan dalam penggunaan AI. Pelajar dan mahasiswa misalnya tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada chatbot untuk menyiapkan tugas tanpa usaha sendiri.

AI boleh dijadikan alat bantu rujukan dan inspirasi, tetapi bukan pengganti daya fikir manusia. Jika salah digunakan, ia akan menjerumuskan masyarakat kepada budaya malas berfikir dan hilang daya kreativiti.

Rasulullah SAW turut memperingatkan bahaya kecurangan: "Curang adalah tanda kelemahan iman." (HR Abu Daud)

Dalam konteks AI, kecurangan ini jelas terlihat apabila teknologi digunakan untuk mencipta video palsu, memalsukan suara atau menyebarkan fitnah terhadap tokoh tertentu.

Manfaatkan teknologi demi kesejahteraan

Fenomena deepfake yang semakin berleluasa membuktikan tanpa kawalan nilai agama, teknologi boleh menjadi alat penipuan dan kerosakan.

Islam menuntut setiap inovasi teknologi dipandu dengan prinsip amanah dan kebenaran, bukan untuk memperdaya atau menghina orang lain.

Selain itu, Baginda SAW menegaskan pentingnya semangat berkarya menerusi hadis bermaksud: "Bersemangatlah melakukan hal bermanfaat untukmu dan mintalah pertolongan kepada Allah, serta janganlah engkau malas." (HR Muslim)

Dalam kerangka sambutan Maulidur Rasul, umat Islam perlu meneladani akhlak Nabi SAW yang sentiasa berorientasikan kebaikan dan manfaat.

Sabda Baginda: "Sebaik-baik manusia adalah

“Islam menuntut setiap inovasi teknologi dipandu dengan prinsip amanah dan kebenaran, bukan untuk memperdaya atau menghina orang lain”

yang paling bermanfaat bagi manusia lain." (HR Ahmad). Hadis ini seharusnya menjadi neraca dalam menilai sejauh mana teknologi digunakan.

Jika teknologi, termasuk AI dimanfaatkan untuk menyebarkan ilmu, meningkatkan efisiensi pekerjaan, membantu sektor kesihatan dan pendidikan, maka ia menjadi ibadah mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Sebaliknya, jika disalahgunakan untuk menyebarkan maklumat, penipuan atau kerosakan moral, maka ia menyalahi prinsip ajaran Islam.

Sambutan Maulidur Rasul seharusnya memberi penekanan kepada bagaimana umat Islam boleh mengadaptasi teknologi untuk memperkukuh keimanan terhadap Rasulullah SAW.

Menurut pendakwah dan intelektual Malaysia, Uthman el-Muhammady, media sosial seperti YouTube, boleh dijadikan platform dakwah efektif.

Video pendek ringkas selawat, kisah sirah Nabi atau tazkirah ringkas mampu menarik minat generasi muda yang kini lebih cenderung kepada kandungan digital.

Syed Hussein Al-Attas pula menegaskan bahawa faktor utama dan perubahan zaman tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabaikan usaha mengenali Rasulullah SAW.

Kemudahan teknologi terjemahan dan platform digital, membolehkan umat Islam lebih mudah mengakses kitab klasik seperti *al-Barzanji*, *Dalail al-Khairat* dan *Shamail al-Muhammadiyah* yang memperincikan keperibadian mulia Baginda.

Sejarah membuktikan Rasulullah SAW dilahirkan dalam masyarakat Arab jahiliyah yang sarat dengan keruntuhan moral. Namun, Baginda tetap istiqamah dengan akhlak luhur sehingga digelar al-Amin.

Hal ini memberikan teladan meskipun kita dikelilingi perkara negatif akibat penyalahgunaan teknologi, umat Islam masih berpeluang menegakkan akhlak mulia dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai panduan.

Sabda Baginda: "Sepungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia." (HR Baihaqi dan al-Hakim).

Hadis ini menjadi asas kepada pembinaan peradaban yang berakhlak, meskipun dalam dunia serba moden. Pada era kecerdasan buatan ini, umat Islam dituntut untuk mengimbangi antara kemajuan teknologi dan nilai Islam.

Teknologi hanyalah alat, manusia menentukan hala tuju penggunaannya. Dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan utama, umat Islam boleh memanfaatkan teknologi, termasuk AI, sebagai instrumen memperkukuh iman, menyebarkan manfaat dan membina peradaban harmoni.



Manfaatkan kemudahan teknologi sebar kebaikan untuk manfaat umat Islam.

(Foto hiasan)